

Saya bukan Pg. Timbalan Presiden UMNO — Mahathir

BAGAN DATOH 18 Jun — Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, jawatannya yang sebenar dalam UMNO sekarang ialah Naib Presiden bukannya sebagai Pemangku Timbalan Presiden UMNO seperti yang diperkatakan oleh setengah pihak dalam UMNO.

"Saya suka menjelaskan kedudukan ini bagi menghilangkan kekeliruan dan salah faham pula kepada ahli-ahli UMNO", ujarnya ketika berucap kepada pemimpin-pemimpin cawangan UMNO Bahagian Bagan Datoh di Dewan Koperasi Peladang Rungkup, petang semalam.

Beliau berkata belum ada sebarang pertukaran jawatan dalam UMNO sejak kepergian Allahyarham Tun Razak, kerana setiap pemilihan jawatan dalam parti mesti diputuskan dalam perhimpunan agung UMNO.

Dr. Mahathir yang juga Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pelajaran menyatakan, masih ada setengah kalangan UMNO di peringkat cawangan mengatakan beliau sebagai Pemangku Timbalan Presiden dan sebenarnya, "Saya masih lagi memegang jawatan Naib Presiden UMNO"

Katanya, setiap anggota parti perlulah membetulkan kedudukan masing-masing dalam UMNO supaya tidak menimbulkan kekeliruan yang boleh memecah-belahkan perpaduan ahli-ahli.

Bahan asal dari Arkib